



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

**JAKIM BIL. 13/2018**

DOKUMEN SEBUT HARGA  
BAGI PERKHIDMATAN MEMBEKAL MAKANAN  
BERMASAK UNTUK BERBUKA PUASA, MOREH DAN  
SAHUR 10 MALAM TERAKHIR DI MASJID TUANKU  
MIZAN ZAINAL ABIDIN, PUTRAJAYA BAGI BULAN  
RAMADAN 1439 H/2018 M

**PENYEBUTHARGA DIKEHENDAKI MEMBACA DAN  
MEMAHAMI BUTIRAN YANG TERKANDUNG DI DALAM  
DOKUMEN SEBUT HARGA SEBELUM MENGISIKANNYA**

## **ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA**

### **1. PERIHAL SEBUT HARGA**

Sebut harga ini bertujuan untuk mendapatkan Perkhidmatan Membekal Makanan Bermasak Untuk Berbuka Puasa Dan Moreh Dan Sahur 10 Malam Terakhir Di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya Bagi Bulan Ramadan 1439 H/2018 M.

### **2. SKOP TUGAS**

Penyebut harga yang berjaya akan bertanggungjawab:-

- 2.1 Menyediakan Perkhidmatan Membekal Makanan Bermasak Untuk Berbuka Puasa Dan Moreh Dan Sahur 10 Malam Terakhir Di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya sepanjang bulan Ramadan 1439 H/2018 M.
- 2.2 Menyediakan kenderaan yang bersesuaian bagi mengangkut makanan berbuka puasa dan moreh dan sahur 10 malam terakhir.
- 2.3 Menyediakan kakitangan beragama Islam yang mencukupi untuk menyedia dan menghidangkan makanan ketika berbuka puasa dan moreh sahur 10 malam terakhir.
- 2.4 Menyediakan kakitangan yang mencukupi bagi tujuan pembersihan di kawasan hidangan makanan selepas berbuka puasa dan moreh sahur 10 malam terakhir.
- 2.5 Menyediakan peralatan penyediaan makan/minum secukupnya termasuk peralatan pembersihan dan memastikan kebersihan kawasan makan/minum serta pembuangan sisa makanan mengikut peraturan ditetapkan.

### **3. DOKUMEN SEBUT HARGA**

Sebut harga hendaklah dibuat di atas lampiran yang telah disediakan dan selepas ini dipanggil dokumen sebut harga. Dokumen ini dibahagikan kepada empat (4) bahagian seperti berikut:-

<b>Bahagian</b>	<b>Perkara</b>
Bahagian 1	Syarat-syarat wajib sebut harga
Bahagian II	Skop perkhidmatan dan spesifikasi teknikal : Jadual Spesifikasi Teknikal – Lampiran B, B1, B2, B3 dan B4
Bahagian III	<b>Lampiran C</b> Skop harga tawaran : Jadual Harga
Bahagian IV	<b>Lampiran A</b> Latar belakang syarikat (sila kemukakan dokumen sokongan yang diperlukan)
	<b>Lampiran D</b> Pengalaman Kerja yang telah dilaksanakan (2015- 2017)
	<b>Lampiran D1</b> Pengalaman Kerja yang telah dilaksanakan pada bulan Ramadhan (2015- 2017)
	<b>Lampiran D2</b> – Senarai kerja-kerja yang sedang dilaksanakan
	<b>Lampiran E</b> Jarak Dapur ke Masjid
	<b>Lampiran F</b> Surat Akuan Pembida
	<b>Lampiran G</b> Surat Akuan Sebut Harga
	<b>Lampiran H</b> Senarai Semak

#### 4. CARA-CARA MENGISI BORANG SEBUT HARGA

- 4.1 Penyebut harga hendaklah membaca arahan dan syarat dalam sebut harga serta menyemak kandungan dokumen dengan teliti sebelum mengisi borang-borang sebut harga.

- 4.2 Borang sebut harga hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas mengikut ruangan yang disediakan. Borang-borang tersebut hendaklah ditaip dan yang ditulis dengan tangan mestilah terang dan boleh dibaca dengan jelas.
- 4.3 Borang/dokumen yang perlu diisi:

**4.3.1 Lampiran A : Latar Belakang Syarikat**

- a. Penyebut harga adalah dikehendaki mengisi dengan lengkap ruangan yang disediakan di dalam borang ini dan menyertakan semua dokumen sokongan yang diperlukan.
- b. Dokumen sokongan ini akan menjadi bukti kepada kenyataan yang dibuat dan penyebut harga akan dianggap tidak menyertakan maklumat yang diminta jika dokumen sokongan ini tidak disertakan.
- c. Penyebut harga perlu meletakkan kertas pemisah (separator/tagging) bagi membezakan di antara satu dokumen sokongan dengan dokumen yang lain.

**4.3.2 Lampiran B, B1, B2, B3, B4- Jadual Spesifikasi Teknikal**

Penyebut harga dikehendaki membaca dengan teliti skop perkhidmatan yang diperlukan sebelum mengisi dan menandatangani borang ini. Sekiranya borang ini tidak diisi dan ditandatangani, tawaran penyebut harga menjadi tidak sah dan dengan sendirinya akan ditolak.

**4.3.3 Lampiran C : Jadual Harga**

- a. Harga tawaran:

Penyebut harga adalah diingatkan bahawa harga-harga yang ditawarkan hendaklah termasuk kos bagi membekal:

- i. Tenaga kerja yang diperlukan;
- ii. Peralatan, pengangkutan, pekerja, bahan mentah dan makanan bermasak serta kelengkapan yang perlu digunakan bagi tujuan perkhidmatan ini yang dinyatakan dalam Spesifikasi Perkhidmatan; dan
- iii. Kos-kos lain yang terlibat dalam menyediakan perkhidmatan ini.

- b. Penyebut harga yang berjaya diterima tidak boleh mengenakan kadar harga yang berasingan atau kos tambahan terhadap perkara di atas.
- c. Borang ini perlu ditandatangani dan dicap oleh orang yang diberikuasa oleh syarikat sebagai penyebut harga. Borang yang tidak bertandatangan dan bercap akan ditolak.

#### 4.3.4 **Lampiran D, D1& D2** : Pengalaman Kerja

- a. Penyebut harga adalah dikehendaki mengemukakan maklumat pengalaman kerja dalam penyediaan makanan bermasakan sahaja bagi tempoh **2015 sehingga 2017** dan maklumat perkhidmatan yang sedang dilaksanakan.

#### 4.3.6 **Lampiran E** : Jarak Dapur ke Masjid

- a. Penyebut harga dikehendaki mengemukakan maklumat alamat dapur (tanpa nama syarikat) serta jarak ke masjid.

#### 4.3.7 **Lampiran F** : Surat Akuan Pembida

- a. Penyebut harga yang merupakan pemilik berdaftar syarikat hendaklah menandatangani surat ini yang menyatakan bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak.
- b. Wakil syarikat yang menandatangani surat ini hendaklah menyertakan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat.

#### 4.3.8 **Lampiran G**: Surat Akuan Sebut Harga

- a. Penyebut harga adalah dikehendaki membuat surat akuan sebut harga yang jelas menyatakan penyebut harga adalah terikat dengan syarat-syarat, kontrak dan spesifikasi kerja yang terkandung didalam dokumen.

#### 4.3.9 **Lampiran H** : Senarai Semak

- a. Penyebut harga adalah dikehendaki mengisi senarai semak dengan lengkap sebelum mengembalikannya.

- 4.4 Sebarang kegagalan mengisi, menyertakan dokumen sokongan, meletakkan kertas pemisah (separator/taging) kepada setiap dokumen sokongan, menandatangani dan mengecap borang-borang yang diperlukan akan **dianggap sebagai satu kegagalan** yang disengajakan kepada syarat-syarat pematuhan dokumen sebut harga.
- 4.5 Kegagalan seperti di para 4.4 juga akan dianggap sebagai kegagalan untuk memberikan maklumat yang diperlukan.

## 5. PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA

- 5.1 Tawaran sebut harga perlu diserahkan secara atas talian melalui sistem ePerolehan dan secara manual.
- 5.2 **Tarikh iklan sebut harga ialah pada 8 Mac 2018 (Khamis), Tarikh lawatan tapak (wajib dihadiri) pada 21 Mac 2018 (Rabu) jam 9.30 pagi dan tarikh tutup sebut harga ialah pada 5 April 2018 (Khamis) jam 12.00 tengah hari.**Tawaran sebut harga yang lewat tidak akan dipertimbangkan.
- 5.3 JAKIM tidak akan bertanggungjawab diatas kehilangan dokumen-dokumen sebut harga yang dihantar kerana hilang semasa dalam perjalanan pos atau penghantaran.
- 5.4 Penyebut harga adalah menanggung sendiri semua kos yang terlibat berhubung dengan sebut harga yang disertainya.
- 5.5 *Dibatalkan*
- 5.6 Dokumen **Tawaran Harga** dan **Tawaran Teknikal** juga hendaklah dikemukakan **secara manual** sebelum waktu dan tarikh tutup yang ditetapkan. **Tawaran Harga** dan **Tawaran Teknikal** termasuk dokumen sokongan berkaitan hendaklah disediakan dalam **dua (2) sampul** yang **berasingan dan berlakri**. Kedua-dua sampul tersebut kemudiannya hendaklah **dimasukkan ke dalam satu (1) sampul surat berlakri** serta dimasukkan ke dalam peti tawaran sebut harga sebelum tarikh dan masa sebut harga ditutup di **Pejabat Pentadbiran, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Presint 3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya.**
- 5.7 Dokumen yang perlu dimasukkan ke dalam Sampul **Tawaran Teknikal** adalah seperti berikut:-

	Item
Dokumen Teknikal	Lampiran B, B1, B2, B3, B4 – Jadual Spesifikasi
	Salinan bukti sewaan atau salinan geran pemilikan kenderaan atas nama syarikat
	<b>Lampiran D</b> - Pengalaman Kerja yang telah dilaksanakan (2015- 2017)

	<b>Lampiran D1</b> – Pengalaman Kerja yang telah dilaksanakan pada bulan Ramadhan (2015- 2017)
	<b>Lampiran D2</b> – Senarai kerja-kerja yang sedang dilaksanakan (Kerja Dalam Tangan)
	Lampiran E – Jarak (dapur ke masjid)

**NOTA :**

**(Sila pastikan tiada cap/nama syarikat dipamerkan bagi dokumen teknikal. Jika ada, penyebut harga dikehendaki menutupnya dengan cara yang terbaik)**

- 5.8 Dokumen yang perlu dimasukkan ke dalam Sampul **Tawaran Harga** adalah seperti berikut:-

Dokumen Harga	Item
	Lampiran C – Jadual Harga
	Lampiran A - Latar Belakang Syarikat (Penyebut harga wajib menghantar semua lampiran yang dipohon)
	Lampiran F – Surat Akaun Pembida
	Lampiran G – Surat Akaun Penyebut harga
	Lampiran H – Senarai Semak
	<b><u>Salinan Penyata Bulanan Akaun bank untuk 3 bulan terkini (Disember 2017, Januari 2018 dan Februari 2018) yang telah disahkan oleh pihak bank.</u></b>
	Salinan Sijil Akaun Pendaftaran dan Bumiputera daripada Kementerian Kewangan
	Sijil Pendaftaran GST daripada Jabatan Kastam DiRaja Malaysia
	Salinan Sijil Pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
	Profil Syarikat
	Borang 24
	Borang 49
	Lampiran Q
	Salinan Sijil Halal Bagi Pembekal Daging
Salinan Sijil Halal Bagi Pembekal Ayam	

## **6. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH**

- 6.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 6.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 6.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenarai hitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya mana-mana pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 6.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekalkan mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).



**Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong**

## BAHAGIAN I

### SYARAT-SYARAT WAJIB SEBUT HARGA

Penyebut harga hendaklah mematuhi sepenuhnya syarat-syarat ini apabila menyertai sebut harga. **Kegagalan mematuhi mana-mana syarat di bawah ini membolehkan sebut harga tersebut tidak dipertimbangkan dan dengan sendirinya ditolak.**

#### 1 KELAYAKAN UNTUK MEMASUKI SEBUT HARGA

- 1.1 Hanya pembekal/syarikat yang **e-Perolehan 'enabled'** dibenarkan menyertai sebut harga. Pembekal/syarikat yang e-Perolehan 'enabled' adalah pembekal/syarikat yang mempunyai kad pintar berserta pembaca kad pintar atau *USB token*.
- 1.2 *Dibatalkan.*
- 1.3 Pembekal/syarikat yang hendak menyertai sebut harga ini juga hendaklah berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang:-

#### 040103 – Makanan Bermasak Islam

- 1.4 Salinan surat pendaftaran kontraktor hendaklah disertakan bersama-sama dengan tawaran. Jika tempoh pendaftaran telah atau pun hampir tamat, penyebut harga hendaklah mengemukakan salinan surat dari Kementerian Kewangan yang menyatakan bahawa permohonan lanjutan telah dibuat.
- 1.5 Semua borang yang berhubung dengan sebut harga hendaklah ditandatangani oleh orang yang diberi kuasa oleh penyebut harga. Mana-mana borang yang tidak ditandatangani dan dicop dengan cop penyebut harga akan ditolak terus daripada pertimbangan.
- 1.6 *Dibatalkan.*
- 1.7 *Dibatalkan.*
- 1.8 *Dibatalkan.*
- 1.9 Setiap tawaran juga hendaklah dikemukakan secara manual sebelum waktu dan tarikh tutup yang ditetapkan. Setiap dokumen sokongan perlu disertakan secara manual bersama dengan borang-borang yang dikehendaki.

## 2. HARGA TAWARAN

2.1 *Dibatalkan.*

2.2 Harga yang ditawarkan adalah termasuk semua kos seperti kos pembelian bahan mentah, pengangkutan, pekerja, peralatan, kerja pembersihan, cukai kerajaan dan lain-lain kos yang berkaitan dengan Perkhidmatan Membekal Makanan Bermasak Untuk Berbuka Puasa Dan Moreh Dan Sahur 10 Malam Terakhir Di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya Bagi Bulan Ramadan 1439 H/2018 M.

2.3 **Harga-harga yang ditawarkan dalam sebut harga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda** selepas sebut harga ini ditutup. Penyebut harga yang berjaya ditawarkan sebut harga ini hendaklah mematuhi sepanjang masa kontrak berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan.

2.4 Harga yang ditawarkan hendaklah **tanpa kenaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)**. Kerajaan akan menambah kenaan GST ke atas harga tawaran di dalam Surat Setuju Terima sekiranya pembekal berdaftar GST.

## 3. TEMPOH SAH LAKU TAWARAN

Tempoh sahlaku tawaran sebut harga adalah tidak melebihi 90 hari daripada tarikh tutup sebut harga bergantung kepada kompleksiti sebut harga yang dilaksanakan. Tempoh sah laku tawaran sebut harga tidak boleh dilanjutkan. Jika tempoh sah laku tawaran telah tamat atau keputusan tidak dibuat dalam tempoh sah laku tawaran, sebut harga hendaklah dipelawa semula.

## 4. SETUJU TERIMA SEBUT HARGA

4.1 Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga jua pun. Keputusan sebut harga adalah muktamad. Kerajaan tidak akan melayan sebarang surat menyurat yang berupa rayuan dari penyebut harga-penyebut harga berkenaan sebab-sebab sebut harga mereka tidak berjaya.

4.2 Penyebut harga yang berjaya dikehendaki:-

- a) Tidak boleh menolak tawaran. Nama penyebut harga akan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk tindakan menggantung pendaftaran jika penyebut harga menolak tawaran.

- b) Menandatangani satu perjanjian kontrak dengan Kerajaan Malaysia dan adalah terikat dengan syarat-syarat yang terkandung dalam perjanjian dan syarat-syarat sebut harga.
- c) Penyebut harga juga akan dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya.

## 6. MENARIK BALIK TAWARAN/MENOLAK TAWARAN

Penyebut harga tidak boleh menarik balik tawaran sebelum sebut harga dipertimbangkan atau menolak tawaran setelah sebut harga dipertimbangkan atau menolak tawaran setelah tawaran dibuat. Jika penyebut harga menarik diri atau menolak tawaran, nama penyebut harga akan dikemukakan kepada pihak berkuasa (Kementerian Kewangan) untuk tindakan selanjutnya.

## 7. CAGARAN KESELAMATAN

7.1 Sebelum sesuatu kontrak perkhidmatan disempurnakan penyebut harga yang berjaya dikehendaki memberi cagaran keselamatan sebanyak 2.5% daripada jumlah nilai kontrak yang bernilai RM200,000.00 tetapi tidak melebihi RM500,000.00 setahun, dan sebanyak 5% bagi kontrak yang nilainya melebihi RM500,000.00 setahun.

7.2 Cagaran keselamatan ini hendaklah dalam bentuk jaminan bank daripada bank-bank yang diluluskan dan berdaftar di Malaysia. Bagi kontrak yang bernilai tidak melebihi RM500,000.00, jaminan insurans daripada syarikat-syarikat insurans yang diluluskan dan berdaftar di Malaysia boleh diterima selain daripada wang tunai dan jaminan bank. Cagaran ini akan dikembalikan sesudah kontrak diselesaikan dengan memuaskan.

## 8. POLISI INSURAN

Kontraktor dikehendaki mengambil polisi insurans bagi Insurans Tanggungan Awam, Insurans Pampasan Pekerja dan lain-lain polisi yang difikirkan perlu dan diminta oleh Kerajaan atas perbelanjaan sendiri. Polisi insurans yang diperakui dan resit ke atas premium yang dibeli itu hendaklah dikemukakan kepada Kerajaan dalam masa (14) hari selepas notis penerimaan tawaran.

9. Dibatalkan.

## 10. TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK

10.1 Semua penyebut harga adalah **diwajibkan** menghadiri taklimat dan lawatan tapak yang akan diadakan seperti butiran di bawah :-

**TARIKH : 21 Mac 2018 (Rabu)**

**TEMPAT : Foyer Pejabat Pentadbiran  
Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin**

**MASA : 9.30 pagi**

11. DENDA LEWAT BEKALAN DAN PERKHIDMATAN

11.1 Penyebut harga yang berjaya hendaklah menyempurnakan kontrak perkhidmatan dalam tempoh yang telah ditetapkan dalam kontrak;

11.2 Penyebut harga yang berjaya akan dikenakan denda sekiranya kelewatan yang berlaku adalah berpunca daripada penyebut harga sendiri. Cara perkiraan denda tersebut adalah mengikut formula berikut:

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>KADAR BAYARAN</b>
1.	Lewat menghidangkan makanan	RM 1,000.00/Sehari
2.	Pekerja tidak mencukupi mengikut kontrak	RM 50.00 (seorang)/Sehari
3.	Tidak memenuhi syarat Spesifikasi hidangan	RM1,00.00 /Sehari
4.	Tidak membersihkan tempat hidangan atau tempat penyediaan makanan semasa dan selepas jamuan	RM50.00/Sehari

**Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong**

## BAHAGIAN II

### SKOP PERKHIDMATAN DAN SPESIFIKASI TEKNIKAL

#### a. SKOP PERKHIDMATAN

Penyebut harga yang berjaya akan bertanggungjawab untuk:

1. Menyediakan Perkhidmatan Membekal Makanan Bermasak Untuk Berbuka Puasa, Moreh Dan Sahur 10 Malam Terakhir Di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin Putrajaya Bagi Bulan Ramadan 1439 H/2018 M.
2. Keutamaan diberikan kepada pembekal yang mempunyai pendaftaran sijil Halal yang dikeluarkan oleh Jakim.
3. Menyediakan kenderaan yang bersesuaian bagi mengangkut makanan berbuka puasa, moreh dan sahur 10 malam terakhir.
4. Menyediakan kakitangan yang mencukupi untuk menghidangkan makanan ketika berbuka puasa, moreh dan sahur 10 malam terakhir.
5. Menyediakan kakitangan yang mencukupi bagi tujuan pembersihan tempat menghidangkan makanan selepas berbuka, moreh dan sahur 10 malam terakhir.
  - 5.1 Pekerja-pekerja syarikat pembekal hendaklah memakai pakaian seragam syarikat, bersih, kemas dan bersongkok bagi lelaki dan bagi perempuan adalah berpakaian menutup aurat dan tidak menjolok mata. Pihak pekerja diminta menyediakan kakitangan bertugas seramai 25 orang bagi berbuka puasa, moreh dan 8 orang bagi sahur 10 malam terakhir.
  - 5.2 Pekerja-pekerja syarikat juga dikehendaki menjaga kebersihan diri seperti tidak berkuku panjang, bertatoo, tidak memakai "*bangle*", rantai, subang dan cincin serta tidak berambut panjang.
  - 5.3 Pekerja-pekerja syarikat hendaklah memakai sarung tangan plastik (pakai buang) semasa kerja-kerja menghidang.
  - 5.4 Semua pekerja syarikat tidak dibenarkan merokok semasa bertugas dan berada di kawasan masjid.
6. Semua makanan hendaklah diletakkan di kawasan yang ditetapkan dan ditutup rapi sebelum dihidangkan.
7. Pembekal dikehendaki menyediakan penyapu, penyodok sampah, tong sampah, troli (pastikan roda troli menggunakan plastik/getah dan tidak

merosakkan/mencalarkan lantai masjid serta tidak mengeluarkan bunyi sehingga mengganggu jemaah bersolat), mop dan beg sampah plastik yang secukupnya. Bekas makanan yang telah digunakan hendaklah dibuang sebelum meninggalkan Masjid. Pembekal juga bertanggungjawab membersihkan sisa-sisa makanan, tumpahan kuah/berminyak, air minuman di kawasan penyajian makanan.

8. Pembekal dilarang sama sekali membuang atau meninggalkan sisa makanan dan lebihan makanan/minuman di mana-mana kawasan masjid dan berhampiran sekitarnya.
9. Tempat makan dan tempat menghidangkan makanan hendaklah sentiasa bersih dan kemas sama ada sebelum atau selepas makan.
10. Memperuntukkan penyediaan dan peralatan bagi dua (2) buah meja tetamu VIP.
11. Persiapan peralatan seperti meja hidangan, pinggan mangkuk, gelas, sudu, bekas basuh tangan dan lain-lain peralatan hendaklah mencukupi. Pihak pembekal diminta menyediakan meja hidangan dan tikar secukupnya.
12. Pembekal dikehendaki menyediakan kemudahan peralatan mencuci tangan yang mencukupi dan sesuai.
13. Pembekal dikehendaki menjaga kebersihan di kawasan yang digunakan dan memastikan tempat penyimpanan barang-barang sentiasa berada di dalam keadaan bersih, rapi serta tidak menjejaskan pandangan pihak pengunjung masjid.
14. Pembekal dikehendaki membawa keluar semua sisa makanan dan sampah yang dibuang oleh jemaah setiap kali tamat program penyajian makanan.
15. Pembekal dikehendaki menyediakan plastik sampah yang secukupnya bagi setiap program.
16. Sebarang aktiviti seperti memasak makanan, air dan membasuh semua peralatan memasak dan sajian berkaitan **adalah tidak dibenarkan** sama sekali di premis masjid.
17. Lokasi perkhidmatan:-

**MASJID TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA  
PRESINT 3  
62100 PUTRAJAYA**

18. Spesifikasi terperinci bagi perkhidmatan yang dinyatakan pada jadual di atas adalah seperti di dalam Spesifikasi Teknikal (Lampiran B, B1, B2, B3, B4)
19. Tempoh perkhidmatan adalah selama **1 bulan Ramadan** iaitu bermula **1 Ramadan hingga 30 Ramadan 1439 Hijrah** bersamaan **17 Mei hingga 14 Jun 2018**.
20. Tempoh perkhidmatan adalah selama **10 hari Ramadan** iaitu bermula **20 Ramadan hingga 30 Ramadan 1439 Hijrah** bersamaan **5 Mei hingga 14 Jun 2018**.



## LAMPIRAN B

### b. SPESIFIKASI TEKNIKAL

Semua penyebut harga adalah diwajibkan mematuhi semua spesifikasi yang ditetapkan seperti berikut:

BIL	PERKARA	SPESIFIKASI	PEMATUHAN (MANDATORI) YA/TIDAK
1.	Spesifikasi bahan makanan	Rujuk <b>Lampiran B1</b>	
2.	Menu berbuka puasa dan moreh	Rujuk <b>Lampiran B2</b>	
3.	Menu sahur	Rujuk <b>Lampiran B2(a)</b>	
4.	Kakitangan beragama Islam (warganegara Malaysia) sepanjang penyediaan dan penyajian berbuka puasa dan moreh	Sila sediakan kakitangan secukupnya, rujuk <b>Lampiran B3</b> –25 orang pekerja	
5.	Kakitangan beragama Islam (warganegara Malaysia) sepanjang penyediaan dan penyajian sahur	Sila sediakan kakitangan secukupnya, rujuk <b>Lampiran B3</b> –8 orang pekerja	
6.	Kakitangan beragama Islam (warganegara Malaysia) untuk pembersihan tempat penyajian semasa/ selepas berbuka dan moreh	Sila sediakan kakitangan secukupnya ( <b>Lampiran B3</b> )	
7.	Kakitangan beragama Islam (warganegara Malaysia) untuk pembersihan tempat penyajian semasa/ selepas sahur	Sila sediakan kakitangan secukupnya ( <b>Lampiran B3</b> )	
8.	Penghantaran makanan berbuka puasa dan moreh dan sahur	Sila sediakan kakitangan beragama Islam yang secukupnya. ( <b>Lampiran B3</b> ). Sila nyatakan kenderaan yang akan digunakan untuk penghantaran makanan.	

		<p><b>(Lampiran B4)</b></p> <p>Penghantaran berbuka mesti tiba di masjid selewat-lewatnya jam 5.45 petang dan moreh selewat-lewatnya jam 8.30 malam.</p> <p>Penghantaran sahur mesti tiba di masjid selewat-lewatnya jam 4.00 pagi.</p>	
--	--	---	--

**Pembekal bersetuju mematuhi semua perkara di atas.**

**TANDATANGAN :** \_\_\_\_\_

**TARIKH :** \_\_\_\_\_

**SPESIFIKASI BAHAN MAKANAN****1. SPESIFIKASI BAHAN MAKANAN BAGI PERKHIDMATAN MAKAN/MINUM BERBUKA PUASA DAN SAHUR 10 MALAM TERAKHIR**

1.1 Bahan makanan yang dibekalkan hendaklah berdasarkan kepada menu yang telah ditetapkan seperti saiz, berat timbangan manakala bagi kuih muih seperti yang telah ditetapkan. Makanan mestilah yang baru dimasak dan berkualiti. **Semua makanan dan minuman hendaklah disediakan dari bahan-bahan yang bermutu dan HALAL mengikut syarak.**

1.2 Air minuman hendaklah menggunakan **air yang telah dimasak** untuk membancuh sirap, sarsi, oren atau sebagainya. Penggunaan air paip tanpa dimasak adalah dilarang sama sekali.

1.3 Air masak suam yang mencukupi juga hendaklah disediakan setiap kali hidangan.

1.4 Bahan-bahan makanan hendaklah memenuhi kehendak-kehendak seperti berikut:

**1.4.1 IKAN**

Ukuran ini hendaklah dipatuhi setiap masa. Ikan akan dibahagi kepada 2 kumpulan iaitu:

<b>KUMPULAN A</b>	<b>UKURAN (inci)</b>	<b>KUMPULAN B</b>	<b>UKURAN (inci)</b>
Tenggiri/ Tongkol	2.5L x 4.5P x 1T	Selar (seekor)	6
Bawal Hitam/Putih	4	Kembong (seekor)	6
Jenahak	4	Kerisi (seekor)	6
Ikan Merah	4	Cencaru (seekor)	6
Siakap	4L	Selayang (seekor)	6
Senangin	5	Tilapia Merah (seekor)	6
Kurau/Kerapu	5	Keli (seekor)	6

1.4.1.1 Ikan yang akan dibekalkan mestilah mengikut MENU. Sekiranya gagal, ikan yang diganti hendaklah dari kumpulan yang sama dengan syarat ikan yang sama tidak boleh dibekalkan berturut-turut 2 hari.

- 1.4.1.2 Ikan-ikan dalam kumpulan A hendaklah dihidangkan tanpa kepala, insang dan sisik.
- 1.4.1.3 Ikan-ikan dalam kumpulan B hendaklah dihidangkan tanpa perut, insang dan sisik.
- 1.4.1.4 Ukuran untuk jenis-jenis ikan yang tidak disenaraikan di atas hendaklah berdasarkan ukuran purata yang memuaskan mengikut kaedah pasar dan musim pada masa tersebut. Walau bagaimanapun, ikan yang panjangnya kurang dari 6 inci tidak boleh diterima.
- 1.4.1.5 Ikan yang dibekalkan mestilah ikan yang tidak busuk (segar), dagingnya tidak lembik dan masih terlekat pada tulang. Kulit dan perut tidak pecah, mata bersinar tidak pecah atau berdarah, insang berwarna merah dan mulut tidak mengandungi apa-apa benda asing. Tidak mempunyai bau yang tidak diingini dan tenggelam apabila diletakkan ke dalam air.
- 1.4.1.6 Pihak Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin berhak memeriksa kerja-kerja pembersihan ikan pada bila-bila masa.

#### **1.4.2 DAGING**

- 1.4.2.1 Daging mestilah bermutu yang disahkan halal dari gred A tanpa tulang, lemak dan kotoran lain.
- 1.4.2.2 Daging mestilah tidak bercampur dengan hati, limpa, perut, paru-paru dan buah pinggang.
- 1.4.2.3 Segala tulang, urat-urat, berlemak yang berlebihan hendaklah tidak dihidangkan.
- 1.4.2.4 Daging yang disajikan mestilah tidak kurang daripada **150 gm** untuk setiap hidangan.
- 1.4.2.5 **Pembekal daging mestilah mempunyai Sijil pengesahan "HALAL" JAKIM.** Sijil pengesahan Halal pembekal hendaklah dilampirkan.

#### **1.4.3 DAGING AYAM**

- 1.4.3.1 Disembelih mengikut syarak, dibersihkan tanpa perut, anggota kaki bawah, leher dan kepala.
- 1.4.3.2 Berat ayam yang dibekalkan mestilah lebih dari **2 kilo seekor** selepas dibuang kepala, kaki, perut dan leher.

- 1.4.3.3 Ukuran ayam yang dihidangkan adalah mengikut potongan **16 ketul seekor**.
- 1.4.3.4 **Pembekal ayam mestilah mempunyai Sijil pengesahan “HALAL” JAKIM.** Sijil pengesahan Halal pembekal hendaklah dilampirkan.

#### **1.4.4 UDANG DAN SOTONG**

- 1.4.4.1 Udang dan sotong mestilah tidak busuk dan tidak lembik. Udang dan sotong (**Gred B**) yang hendak dibekalkan sederhana besar tidak terlalu besar, tidak terlalu kecil dan **tidak dipotong**.
- 1.4.4.2 Setiap hidangan udang hendaklah **tidak kurang lima ekor** bagi setiap hidangan.
- 1.4.4.3 Setiap hidangan sotong hendaklah **tidak kurang tiga ekor** bagi setiap hidangan.

#### **1.4.5 SAYUR-SAYURAN**

Sayuran hijau dan segar seperti sawi, kacang panjang buncis, bunga kubis dan kailan, pucuk paku serta sayuran yang sesuai digunakan di dalam masakan. Sayur ulam-ulaman juga mestilah yang hijau, segar dan dicuci bersih.

#### **1.4.6 BERAS**

Beras Premium atau beras siam wangi. Peratus hancur tidak melebihi 5% dan bagi nasi beriani menggunakan beras basmathi bermutu tinggi. Setiap seorang diperuntukkan nasi sebanyak 300 gram seorang.

Bermutu baik tanpa antah, kulit, ulat dan kotoran.

#### **1.4.7 MINUMAN**

Kopi serbuk daripada jenama yang baik dan sesuai manakala teh hendaklah daripada jenis yang baik dan hendaklah dikacau serta ditapis dengan penapis yang bersih. Susu yang digunakan hendaklah daripada jenama yang baik menggunakan susu pekat manis. Bancuhan pati bagi sarsi, sirap limau dan oren hendaklah digunakan daripada jenama yang baik. Manakala airnya hendaklah daripada air yang bersih dan telah dimasak. Minuman kopi/teh hendaklah sederhana, tidak terlalu pekat/cair dan tidak terlalu manis/tawar.

#### 1.4.8 KUIH-MUIH

Kuih-muih hendaklah bermutu dan tidak mudah basi. Sukatan hendaklah seperti yang ditetapkan di dalam menu yang disediakan.

#### 1.4.9 BUAH-BUAHAN

Buah-buahan hendaklah daripada jenis yang baik :-

- 1.4.9.1 Buah lai/oren/limau/pisang/pirsebiji seorang dalam saiz sederhana dan dari jenis yang baik dan segar serta siap dibasuh.
- 1.4.9.2 Tamar hendaklah disediakan daripada jenis yang **baik dan berkualiti** dengan kadar 3 biji seorang. Tamar yang kering, keras, busuk, berdebu dan berkualiti rendah tidak dibenarkan.
- 1.4.9.3 Buah tembikai/tembikai susu hendaklah dibuang kulit dan dipotong sebelum dihidangkan.

## **SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN MAKAN/MINUM BERBUKA PUASA**

1. Pembekal perlu menyediakan jumlah makanan sebagaimana yang dinyatakan dalam perjanjian. Sekiranya terdapat perubahan dari segi kuantiti sama ada pengurangan atau pertambahan, pihak masjid akan memaklumkan kepada pembekal dan pembekal wajib mematuhi. Sebarang pertambahan dan pengurangan yang tidak termasuk dalam kontrak ini, inbois tersebut perlu dikemukakan secara berasingan.
2. Semua bekalan makanan hendaklah disediakan secara *buffet* dengan menyediakan peralatan yang bersesuaian. Manakala bagi pihak urus setia makanan hendaklah dihidangkan. Keperluan stesen hidangan dan meja hidangan akan dimaklumkan oleh pihak masjid. Pembekal wajib mematuhi dan menyediakan mengikut keperluan.
3. Bekalan makanan yang telah siap mestilah sampai di tempat penyajian tidak lewat jam 6.00 petang setiap hari bagi tujuan pemeriksaan dan pengiraan serta penilaian mutu makanan oleh urus setia masjid.
4. Waktu Hidangan :-
  - 4.1 Minuman, kuih dan buah kurma – **ketika azan Maghrib.**
  - 4.2 Minuman dan hidangan nasi berlauk mengikut jadual - **selepas selesai solat Maghrib.**
5. Semua makanan hendaklah diletakkan di kawasan yang ditetapkan dan ditutup rapi sebelum dihidangkan. Penggunaan penutup hidangan yang menggunakan plastik *wrapping* adalah diwajibkan.
6. Pekerja-pekerja tidak dibenarkan membuat bising semasa jemaah sedang solat.

## **2. SPESIFIKASI BAHAN MAKANAN BAGI PERKHIDMATAN MAKAN/MINUM SEMASA MOREH**

- 2.1 Bahan makanan yang dibekalkan bagi makan/minum lepas solat Tarawih berdasarkan kepada menu yang telah ditetapkan seperti saiz dan berat timbangan. Manakala bagi kuih muih hendaklah yang bersesuaian. Makanan mestilah yang baru dimasak dan berkualiti.
- 1.5 Air minuman hendaklah menggunakan air bermasak untuk membancuh teh dan kopi.
- 1.6 Air masak suam juga hendaklah disediakan setiap kali hidangan.
- 1.7 Bahan-bahan makanan hendaklah memenuhi kehendak-kehendak yang berikut:

### **1.7.1 MINUMAN**

Serbuk kopi atau teh adalah daripada jenama yang baik dibancuh dengan air bermasak dan hendaklah dikacau serta ditapis dengan penapis yang bersih. Susu pekat manis hendaklah daripada jenama yang baik dan mempunyai pengesahan Halal JAKIM.

### **1.7.2 KUIH-MUIH/ BUBUR MANIS/ BUBUR LAMBUK/ BIHUN GORENG/ MI GORENG/ KUETIAU**

Penyediaan kuih-muih/bihun goreng/mi goreng dan kuetiau goreng hendaklah jenis bermutu dan tidak mudah basi semasa dihidangkan. Sukatan hendaklah seperti yang ditetapkan di dalam menu yang disediakan. Kesemua menu bubur pastikan tidak cair/terlalu manis.

**Pembekal bahan mentah mestilah mempunyai Sijil pengesahan "HALAL" JAKIM.**



## SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI JAMUAN MOREH

1. Semua bekalan makanan, hendaklah disediakan secara *buffet* manakala kuih muih dibungkus/dihidangkan.
2. Bekalan makanan yang telah siap mestilah sampai di tempat penyajian tidak lewat jam 8.30 malam setiap hari bagi tujuan pemeriksaan dan pengiraan serta penilaian mutu makanan oleh pihak urus setia.
3. Waktu Hidangan:-
  - a. Jamuan Moreh - Selepas solat Tarawih **lapan rakaat**
  - b. Jamuan Moreh - Selepas solat Tarawih **dua puluh rakaat**

## **SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN MAKAN/MINUM SAHUR**

1. Pembekal perlu menyediakan jumlah makanan sebagaimana yang dinyatakan dalam perjanjian. Sekiranya terdapat perubahan dari segi kuantiti sama ada pengurangan atau pertambahan, pihak masjid akan memaklumkan kepada pembekal dan pembekal wajib mematuhi. Sebarang pertambahan dan pengurangan yang tidak termasuk dalam kontrak ini, invoice tersebut perlu dikemukakan secara berasingan.
2. Semua bekalan makanan hendaklah disediakan secara *buffet* dengan menyediakan peralatan yang bersesuaian. Manakala bagi pihak urus setia makanan hendaklah dihidangkan. Keperluan stesen hidangan dan meja hidangan akan dimaklumkan oleh pihak masjid. Pembekal wajib mematuhi dan menyediakan mengikut keperluan.
3. Bekalan makanan yang telah siap mestilah sampai di tempat penyajian tidak lewat jam 4 pagi setiap hari (10 akhir Ramadan) bagi tujuan pemeriksaan dan pengiraan serta penilaian mutu makanan oleh urus setia masjid.
4. Semua makanan hendaklah diletakkan di kawasan yang ditetapkan dan ditutup rapi sebelum dihidangkan. Penggunaan penutup hidangan yang menggunakan plastik *wrapping* adalah diwajibkan.
6. Air minuman hendaklah menggunakan air bermasak untuk membancuh teh dan kopi.
7. Air masak suam juga hendaklah disediakan setiap kali hidangan.
8. Bahan-bahan makanan hendaklah memenuhi kehendak-kehendak yang berikut:

### **8.1 MINUMAN**

Serbuk kopi atau teh adalah daripada jenama yang baik dibancuh dengan air bermasak dan hendaklah dikacau serta ditapis dengan penapis yang bersih. Susu pekat manis hendaklah daripada jenama yang baik dan mempunyai pengesahan Halal JAKIM.

9. Pekerja-pekerja tidak dibenarkan membuat bising semasa jemaah sedang solat.

**MENU BERBUKA PUASA & MOREH TAHUN 1439H/2018M  
DI MASJID TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN**

**Menu Berbuka Puasa**

**MINGGU PERTAMA**

<b>HARI</b>	<b>MENU</b>	<b>PEMATUHAN SPESIFIKASI</b> Sila Nyatakan Menu Ganti (Jika Ada)	<b>SYARAT- SYARAT</b>
<b>KHAMIS</b> 1 Ramadhan 17 Mei	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sirap Limau / Sarsi / Oren</li> <li>2. Air Masak</li> <li>3. Kurma 3 biji</li> <li>4. Kuih manis (satu seorang)</li> <li>5. Buah Lai/ Limau/Oren (sebiji seorang)</li> <li>6. Set Nasi Ayam, Salad, Timun, Sup, Sos Cili dan Kicap.</li> </ol>		YA/TIDAK
<b>JUMAAT</b> 2 Ramadhan 18 Mei	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sirap Limau / Sarsi / Oren</li> <li>2. Air Masak</li> <li>3. Kurma 3 biji</li> <li>4. Kuih manis (satu seorang)</li> <li>5. Buah Oren (sebiji seorang)</li> <li>6. Nasi Putih, Sup Daging, Sambal Kicap dan Kailan Ikan Masin.</li> </ol>		YA/TIDAK
<b>SABTU</b> 3 Ramadhan 19 Mei	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sirap Limau / Sarsi / Oren / Asam Boi</li> <li>2. Air Masak</li> <li>3. Kurma 3 biji</li> <li>4. Kuih (satu sorang)</li> <li>5. Buah pir</li> <li>6. Nasi Putih, Kari IkanTenggiri, Sambal Belacan dan Ulaman.</li> </ol>		YA/TIDAK
<b>AHAD</b> 4 Ramadhan 20 Mei	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sirap Limau / Sarsi / Oren</li> <li>2. Air Masak</li> <li>3. Kurma 3 biji</li> <li>4. Kuih manis (satu seorang)</li> <li>5. Pisang Berangan (sebiji seorang)</li> <li>6. Nasi Putih, Ayam Masak Lemak Kuning dan Sayur campur.</li> </ol>		YA/TIDAK
	1. Sirap Limau / Sarsi / Oren /		YA/TIDAK

<b>HARI</b>	<b>MENU</b>	<b>PEMATUHAN SPESIFIKASI</b> Sila Nyatakan Menu Ganti (Jika Ada)	<b>SYARAT-SYARAT</b>
<b>ISNIN</b> 5 Ramadhan 21 Mei	1. Asam Boi 2. Air Masak 3. Kurma 3 biji 4. Kuih (satu seorang) 5. Pear (sebiji seorang) 6. Nasi Putih, Ikan Goreng Sambal, sayur masak lemak putih.		
<b>SELASA</b> 6 Ramadhan 22 Mei	1. Sirap Limau / Sarsi / Oren / Asam Boi 2. Air Masak 3. Kurma 3 biji 4. Kuih (satu seorang) 5. Tembikai Susu (dua potong seorang) 6. Nasi Putih, Daging Masak Kurma, Sayur Goreng, Sambal Belacan dan Ulaman		YA/TIDAK
<b>RABU</b> 7 Ramadhan 23 Mei	1. Sirap Limau / Sarsi / Oren / Asam Boi 2. Air Masak 3. Kurma 3 biji 4. Kuih (satu seorang) 5. Buah tembikai (dua potong seorang) 6. Set Nasi Arab (ayam, sup, salatah tomato)		YA/TIDAK

### MINGGU KEDUA

<b>HARI</b>	<b>MENU</b>	<b>PEMATUHAN SPESIFIKASI</b> Sila Nyatakan Menu Ganti (Jika Ada)	<b>SYARAT-SYARAT</b>
<b>KHAMIS</b> 8 Ramadhan 24 Mei	1. Sirap Limau/Sarsi /Anggur/ Asam Boi 2. Air Masak 3. Kurma 3 biji 4. Kuih Seri Muka (satu seorang) 5. Buah Oren (sebiji seorang) 6. Nasi Putih, Ayam Percik dan Pajeri Nenas.		YA/TIDAK

<b>HARI</b>	<b>MENU</b>	<b>PEMATUHAN SPESIFIKASI</b> Sila Nyatakan Menu Ganti (Jika Ada)	<b>SYARAT- SYARAT</b>
<b>JUMAAT</b> 9 Ramadhan 25 Mei	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sirap Limau/Sarsi /Anggur/ Asam Boi</li> <li>2. Air Masak</li> <li>3. Kurma 3 biji</li> <li>4. Kuih Tepung Pelita (satu seorang)</li> <li>5. Pisang Berangan (sebiji seorang)</li> <li>6. Nasi Putih, Ikan Tiga Rasa dan Sayur Campur</li> </ol>		YA/TIDAK
<b>SABTU</b> 10 Ramadhan 26 Mei	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sirap Limau / Sarsi / Oren / Asam Boi</li> <li>2. Air Masak</li> <li>3. Kurma 3 biji</li> <li>4. Kuih (satu seorang)</li> <li>5. Tembikai Susu (dua potong seorang)</li> <li>6. Nasi Putih, Daging Masak Kurma, Sayur Goreng, Sambal Belacan dan Ulaman</li> </ol>		YA/TIDAK
